

27/10/2000

Jangan biar dakyah bankrapkan Malaysia

UMUM tidak pun perlu diingatkan mengenai kesan kegawatan ekonomi mulai pertengahan 1997. Pelbagai keperitan terpaksa ditanggung - baik di pihak kerajaan, badan korporat hinggalah kepada masyarakat terbanyak. Dengan negara kini beransur mengalami pemulihan, desakan hidup dari segi ramai yang hilang mata pencarian, kemerosotan pendapatan serta kos sara hidup yang meningkat, hanya tinggal igauan yang seboleh-bolehnya luput terus daripada ingatan. Itulah kehendak ramai tetapi bukan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Mohd Ezam Mohd Noor, serta penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sambil Ezam bermegah dengan pengakuan terbukanya bahawa beliau memanfaatkan setiap peluang yang ada untuk memburukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Amerika Syarikat dan Eropah, penyokong Anwar pula menggunakan sebuah firma yang berpusat di Washington, Janus Meritt Strategy (JMS), bagi memastikan tindakan memenjarakan beliau menjadi agenda utama antarabangsa serta untuk mengenakan tekanan ekonomi terhadap Malaysia.

Matlamat mereka sama saja - ibarat tak dapat tanduk, telinga dipulas. Tujuan mereka ialah agar pihak tertentu di Amerika dan Eropah mengenakan tekanan ekonomi ke atas Malaysia supaya Anwar dibebaskan dari penjara. Hanya kerana kepentingan peribadi, mereka tidak hairan sekalipun Malaysia dibankrapkan dan keseluruhan rakyatnya hidup dalam kesengsaraan dan serba kepayahan. Sambil itu, gesaan untuk mengenakan sekatan dan memulaukan barangan Malaysia akan dipertingkatkan dan akan ada tekanan untuk mengehadkan pelaburan asing ke Malaysia.

Adakah ini yang dimaksudkan perjuangan menegakkan keadilan? Tindakan Ezam dan kumpulan penyokong Anwar itu mencerminkan perbuatan mereka yang kecewa hingga hilang pertimbangan. Disebabkan perjuangan mereka sudah tewas ketika menggunakan lunas-lunas yang ada, mereka tergamak pula mendapatkan bantuan kuasa asing dalam memastikan matlamat mereka tercapai. Kita tidak berasa hairan jika perbuatan ini dilakukan oleh orang asing. Sebaliknya, tindakan Ezam dan penyokong Anwar - yang selama ini turut mengecap nikmat pembangunan - jelas mengkhianati negara dan tidak harus sama sekali dimaafkan. Mujurlah sebahagian besar rakyat amat menghargai langkah kerajaan memulihkan ekonomi negara selepas kegawatan dengan rekod pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.7 peratus tahun ini. Hasilnya, kemakmuran terus dikecapi selain dapat menjangkakan pelbagai manfaat daripada Belanjawan 2001 yang akan dibentangkan hari ini. Kerana itu, Ezam dan konco-konconya tidak harus dibiarkan daripada menjadikan negara ini dan rakyatnya sebagai tebusan dalam mencapai cita-cita politik mereka.

(END)